

SPR sedia disiasat SPRM berhubung kemelut dakwat kekal
Malaysian Insider
July 1, 2013
Oleh Hasbullah Awang Chik

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) hari ini memberitahu badan itu bersedia untuk disiasat oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Timbalan Pengerusi SPR Datuk Wan Ahmad Wan Omar berkata SPR tidak bimbang sebaliknya percaya siasatan tersebut dapat membersihkan nama SPR.

"SPR ingin mengetahui sekiranya ada perkara yang tidak betul dilakukan oleh kami khususnya dalam isu dakwat kekal yang telah mendapat perhatian umum," jelas Wan Ahmad melalui kenyataannya dipetik dari akhbar Sinar Harian hari ini.

Wan Ahmad turut memberitahu SPR akan memberikan kerjasama kepada suruhanjaya siasatan berkenaan.

"Kita tidak mahu perkara yang tidak betul berlaku dalam SPR dan kami ada tanggungjawab dan kredibiliti," jelas Wan Ahmad.

Semalam The Malaysian Insider melaporkan SPRM telah menubuhkan pasukan untuk menyiasat kemelut dakwat kekal, untuk melihat apakah terdapat pecah amanah dalam pembelian dakwat itu oleh SPR.

Pengarah Siasatan SPRM Datuk Mustafar Ali juga mengesahkan berhubung penubuhan pasukan siasatan berkenaan oleh SPRM.

SPR berdepan tekanan selepas pendedahan di Parlimen baru-baru ini bahawa bahan kimia dalam dakwat tersebut telah diganti dengan pewarna makanan yang menyebabkan ianya mudah tertanggal.

Menteri Di Jabatan Perdana Menteri Datuk Shahidan Kassim mengakui di Dewan Rakyat pada Rabu lalu pewarna makanan, bukannya nitrat perak yang digunakan dalam dakwat kekal.

Setiausaha SPR Datuk Kamaruddin Baria enggan mengulas apabila dihubungi The Malaysian Insider hari ini bagi mendapat penjelasan lanjut.

SPR baru-baru ini tidak menolak kemungkinan bahawa "dakwat kekal" berkenaan akan digunakan dalam Pilihan Raya Kecil Kuala Besut akan datang setelah penyandanganya Dr. A. Rahman Mokhtar kembali ke rahmatullah pada minggu lalu akibat komplikasi paru-paru berair. - 1 Julai, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/spr-sedia-disiasat-sprm-berhubung-ke-kemelut-dakwat-kekal/>

